

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS
KAWASAN : SEPANGGAR
TARIKH : 10 NOVEMBER 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS (SEPANGGAR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status cadangan pembinaan Jalan Pintas Rampaian dan jalan laluan pantai Tuaran-Kudat dan bilakah projek ini boleh dimulakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina Jalan Rampaian Laut, Menggatal, Sabah telah dipohon untuk kelulusan Agensi Pusat dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10. Skop projek ini melibatkan pembinaan jalan 4 lorong 2 hala sepanjang 2.2km dengan rekabentuk piawaian JKR U5. Anggaran keseluruhan kos projek ialah sebanyak RM30 juta.

Manakala bagi projek membina Jalan Pesisiran Pantai Tuaran – Kudat pula, projek ini juga telah telah dipohon untuk kelulusan Agensi Pusat dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10. Kajian Kemungkinan projek berkenaan telah disiapkan pada bulan Februari 2014. Skop projek melibatkan pembinaan jalan 4 lorong 2 hala sepanjang 100km dengan rekabentuk piawaian JKR R5. Walau bagaimanapun, projek ini berkemungkinan akan dilaksanakan secara berfasa berikutan ia melibatkan kos yang tinggi, iaitu dianggarkan sebanyak RM1.75 bilion.

Sekian. Terima kasih.